


Berita Harian AUG 08 108/2006



Oleh Faiza Zainudin
faiza@bharian.com.my

MIS 01

Suplemen beracun

Kementerian Kesihatan isytihar perang

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan mengesan lebih 50 produk makanan dan minuman kesihatan tambahan serta ubat-ubatan tradisional mengandungi racun berjadual, termasuk bahan aktif perangsang seks yang turut menggunakan selebriti terkenal untuk mempromosikan produk berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang amat bimbang dengan keadaan ini berkata, setakat ini amaran dan tindakan tegas pihak berkuasa termasuk merampas ubat-ubatan dan makanan kesihatan itu tidak langsung memberi kesan.

Berikutan itu, kementerian akan memeringi habis-habisan penjualan ubat-ubatan, makanan dan minuman kesihatan serta kosmetik tidak berdaftar yang berselindung di sebalik nama herba atau bahan asli.

LIHAT MUKA 2

Ubat tidak berdaftar dicampur racun berjadual

Berita Harian 06/08/2010 N/S 02

DARI MUKA 1

“Saya berasa sudah tiba masa kita menghentikan semua perkara mengarut dan penyalahgunaan (ubat) ini yang boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti minuman kopi dan ‘teh ais limau’.

“Saya memandang serius perkara ini. Jangan suka membeli produk sedemikian dan kementerian akan perangi habis-habisan ubat-ubatan, makanan dan minuman kesihatan dan kosmetik yang tidak berdaftar,” katanya pada sidang media selepas melawat Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Biro Pengawasan Farmaseutikal kementerian di Petaling Jaya di sini, semalam.

Katanya, bahan aktif perangsang seks seperti sildenafil, tadalafil dan verdanafil yang digunakan untuk rawatan ‘erectile dysfunction’ (mati pucuk) hanya boleh diberikan kepada pesakit oleh seorang doktor atau ahli farmasi berlesen.

Ubat yang tidak berdaftar dengan kementerian ini selalunya dicampur dengan racun berjadual yang boleh memberi kesan berbahaya termasuk serangan jantung, strok, pendarahan otak dan kehilangan daya penglihatan dan pendengaran.

“Saya ingatkan orang ramai, tidak berbaloi mengamibil ubat kuat kerana ia merosakkan badan dan kesihatan serta mendatangkan

kemudaratannya yang besar kepada tubuh badan,” katanya.

Liow berkata, apa yang membimbangkan ada pengilang bertaraf Amalan Pengilangan Baik (GMP) terbabit sama melakukan jenayah farmaseutikal melalui pembabit kilang mereka atau bersekongkol dengan kilang yang diwujudkan secara haram mengeluarkan bahan makanan kesihatan atau kosmetik tidak berdaftar.

Kegiatan itu, katanya, walaupun dibuat secara bersembunyi namun dapat kesian pegawai penguat kuasa farmasi dan sejak 2008 hingga kini terdapat 19 syarikat yang digantung lesen.

“Jumlah dan nilai rampasan produk ubat-ubatan tra-

disional, bahan makanan atau minuman kesihatan dan kosmetik setiap tahun juga tinggi membabitkan 4,617 produk bernilai RM5.7 juta pada 2007; 9,679 produk bernilai RM13.6 juta (2008); 10,458 produk bernilai RM6.7 juta (2009) dan dari Januari sehingga Jun tahun ini sebanyak 6,632 produk bernilai RM4.5 juta dirampas.

“Produk yang turut dieksport dengan penyamaran sebagai ubat tradisional, makanan kesihatan dan kosmetik ini juga akan menjejaskan hasrat negara untuk menjadi hub produk tradisional berasas herba,” katanya.

Sehubungan itu, Liow berkata, pihaknya kini menyemak lima akta sedia ada untuk

digabungkan menjadi satu akta baru yang akan diperkenalkan tahun depan dengan hukuman lebih berat kepada individu dan syarikat terbabit.

Akta yang disemak itu ialah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951, Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Ubat 1956 (Iklan dan Penjualan).

Liow menasihatkan orang ramai melaporkan kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi jika ada produk disyaki mengandungi bahan racun.

Mereka juga boleh melayari www.pharmacy.gov.my atau di laman web Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan di www.bpfk.gov.my untuk kepastian status produk.